



**TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (tengah) bersama peserta dan panel Multaqa Ummatan Wahidah di Krabi Front Bay Resort, Thailand, kelmarin. - BERNAMA**

## Kesatuan Islam kekuatan ummah - Raja Muda Perlis

**KRABI, SELATAN THAILAND 15 Mac** - Kesatuan umat Islam yang merentasi sempadan negara, bangsa, bahasa dan warna kulit merupakan kunci kekuatan ummah, titah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Baginda bertitah, Rasulullah SAW sendiri sentiasa memastikan kesatuan umatnya sehingga baginda meleburkan semangat taksub perkauman di kalangan masyarakat Arab di bumi Madinah.

"Hal ini terampil dengan tindakan Rasulullah SAW menyatupadukan dan mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar bahkan menitikberatkan hubungan bersama orang bukan Islam," titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah merasmikan Multaqa Ummatan Wahidah (Pertemuan Satu Umat) anjuran bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Majlis Agama Islam (MAI) enam wilayah

Andaman Thailand di Krabi Front Bay Resort di sini semalam.

Wilayah tersebut ialah Satun, Trang, Krabi, Phanga, Phuket dan Ranong.

Berangkat sama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan puteri kedua baginda, Sharifah Farah Adriana Jamalullail.

Keberangkatan Tuanku Syed Faizuddin disambut oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Romli Dai; Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Mohd. Faizal Razali dan Yang Dipertua MAI Wilayah Krabi Asnawi Mukura.

Raja Muda Perlis yang juga Yang Dipertua MAIPs bertitah, pihak berautoriti (yang terlibat dengan Multaqa) dan menetapkan dasar pentadbiran Agama Islam di tempat masing-masing hendaklah memainkan peranan dan memastikan eleman perpaduan di kalangan umat Islam dengan masyarakat tempatan sentiasa ter-

pelihara.

"Hubungan baik dengan bukan Islam dilihat sebagai 'khaира ummah' yang menjadi 'pembawa rahmat keseluruhan alam,' titah Tuanku Syed Faizuddin.

Sebelum itu pada sebelah pagi berlangsung bengkel membabitkan ahli-ahli MAI enam wilayah tersebut dan anggota-anggota MAIPs membincangkan isu antaranya pengurusan nikah kahwin, pengesahan halal, permohonan bantuan dan sumbangan, pendidikan, penggunaan bahasa Melayu dan dakwah yang diharap menjadi pemangkin kecemerlangan umat Islam kedua-dua negara.

Mufti Kerajaan Perlis, Prof. Madya Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin dan bekas Mufti Perlis, Dr. Juanda Jaya terlibat sebagai panel manakala pensyarah kanan Universiti Sains Islam Malaysia merangkap ahli MAIPs, Ustaz Nizamuddin Zakaria sebagai moderator. - BERNAMA